



MEMO

PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN : PLPKL/SA/10/82 (19)

TARIKH : 3 Januari 2010

PERKARA : ARAHAN PENGURUSAN CIAST BIL. 5/2010 PEMAKAIAN TANDA NAMA	
DARIPADA : Pengarah CIAST	SALINAN KEPADA :
KEPADА : Semua Kakitangan CIAST MELALUI : TP, KP / KB	KP JPK

1. TUJUAN

Menyelaras dan menguatkuasakan pemakaian tanda nama semasa bekerja.

2. LATAR BELAKANG

Merujuk kepada Surat Pekeliling Am Bil. 8 Tahun 1983, telah menetapkan panduan penggunaan tanda nama yang seragam untuk dipakai oleh kakitangan Kerajaan semasa menjalankan tugas rasmi.

3. ARAHAN

3.1 Semua pegawai dan kakitangan hendaklah sentiasa memakai tanda nama yang seragam semasa bertugas.

3.2 Tanda nama tersebut hendaklah mematuhi spesifikasi berikut :

- a. Diperbuat daripada plastik;
- b. Huruf berwarna putih berlatarbelakangkan hitam;
- c. Berukuran 7.5 cm x 2.5 cm;
- d. Hanya satu nama sahaja digunakan;
- e. Nama jawatan dan logo Jabatan tidak harus dimasukkan;
- f. Gelaran-gelaran darjah kebesaran, keturunan, 'profesion', akademik atau 'initial' tidak boleh dituliskan.

3.3 Tanda nama hendaklah disematkan dibaju di dada sebelah kiri.

3.4 Tanda nama hendaklah diasingkan dari pas keselamatan.


3.5 Kakitangan lantikan pertama, tanda nama akan disediakan oleh Pengurusan CIAST, manakala lain-lain pegawai adalah menjadi tanggungjawab sendiri untuk menyediakan tanda nama berkenaan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

4. Sehubungan itu, kerjasama tuan adalah dipohon bagi mematuhi arahan diatas sepenuhnya.

5. Arahan ini berkuatkuasa mulai 17 Februari 2010.

Sekian, terima kasih.

"Kerana Mu Malaysia Maju"


(GHAZLAN BIN GHAZALI)